



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN KOKURIKULUM
SEKOLAH MENENGAH YANG DILABELKAN TERBAIK
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

OTHMAN BIN ALI

FPP 1999 44

**PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN KOKURIKULUM
SEKOLAH MENENGAH YANG DILABELKAN TERBAIK
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

OTHMAN BIN ALI

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
1999**



**PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN KOKURIKULUM
SEKOLAH MENENGAH YANG DILABELKAN TERBAIK
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

OTHMAN BIN ALI

**Projek ini dikemukakan untuk memenuhi syarat keperluan
Ijazah Master Sains Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

1999



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. yang telah memberi kekuatan iman, kesihatan yang sempurna dan kerahmatan yang tiada terbatas sehingga saya dapat menyempurnakan projek ini bagi memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Ijazah Master Sains (Pentadbiran Pendidikan)

Terlebih dahulu saya merakamkan jutaan terima kasih khusus kepada Penyelia Projek, Profesor Madya Dr. Hajah Kamariah bt. Hj. Abu Bakar yang tidak pernah jemu membimbing dan menunjuk ajar dalam menyempurnakan projek ini.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan yang memberi kebenaran dan berkerjasama untuk menjalankan kajian ini. Begitu juga saya mengucapkan ribuan terima kasih pengetua, guru, kakitangan dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Maluri, Kuala Lumpur yang terlibat secara langsung sehingga projek ini dapat saya sempurnakan dengan baik.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya yang sentiasa mengiringi doa dan teristimewa kepada isteri saya yang sentiasa setia dan memberi semangat kental serta anak-anak yang tersayang Mohd. Hafeez, Noor Khairunnisa, Muhamad Hanif dan Noor Syahirah yang selalu terlerai kasih. Semoga Allah memberi keberkatan kepada mereka yang berkorban ke arah jalan-Nya.

Sekian.

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
Jadual 1: Skor Rakan Sekerja Yang Paling Tidak Disukai	28
Jadual 2: Pemilihan Guru Penasihat Dalam Badan Unit Beruniform	75
Jadual 3 : Penggubalan Perlembagaan Badan Unit Beruniform	77
Jadual 4: Pihak Yang Membuat Rancangan Tahunan Badan Unit Beruniform	78
Jadual 5: Pelaksanaan Rancangan Tahunan Badan Unit Beruniform	79
Jadual 6: Pemberian Kursus Kepada Ahli Jawatankuasa Badan Unit Beruniform	80
Jadual 7: Peralatan Untuk Menjalani Aktiviti Badan Unit Beruniform	81
Jadual 8: Penyemakan Buku Laporan Aktiviti Badan Unit Beruniform	82
Jadual 9: Sokongan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Badan Unit Beruniform	83
Jadual 10: Penilaian Pentadbir Terhadap Aktiviti Badan Unit Beruniform	84
Jadual 11: Waktu Mengadakan Mesyuarat Agung Unit Beruniform	86
Jadual 12: Pihak Yang Terlibat Dalam Merancang Aktiviti Badan Unit Beruniform	87
Jadual 13: Pelaksanaan Aktiviti Unit Beruniform	89
Jadual 14: Tempat Aktiviti Badan Unit Beruniform Dijalankan	90
Jadual 15: Sambutan Ibu Bapa Terhadap Aktiviti Unit Beruniform	91
Jadual 16: Penggunaan Kad Gerko Ketika Menjalankan Aktiviti Badan Unit Beruniform	92
Jadual 17: Pemilihan Guru Penasihat Dalam Persatuan	97

Jadual 18:	Pengagihan tugas Kepada Guru Penasihat Dalam Persatuan	98
Jadual 19:	Penetapan Hari Untuk Menjalankan Aktiviti Persatuan	99
Jadual 20:	Pihak Yang menggubal Rancangan Tahunan Persatuan	100
Jadual 21:	Pelaksanaan Rancangan Tahunan persatuan	101
Jadual 22:	Penyemakan Buku Laporan Aktiviti Persatuan	103
Jadual 23:	Sokongan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Persatuan	104
Jadual 24:	Penilaian Pentadbir terhadap Aktiviti Persatuan	105
Jadual 25:	Waktu Mengadakan Mesyuarat Agung Persatuan	107
Jadual 26:	Penetapan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Persatuan	108
Jadual 27:	Pihak Yang Terlibat Dalam Merancang Aktiviti Persatuan	109
Jadual 28:	Pelaksanaan Aktiviti Persatuan	110
Jadual 29:	Tempat Aktiviti Persatuan Dijalankan	111
Jadual 30:	Sambutan Ibu Bapa Terhadap Aktiviti Persatuan	112
Jadual 31:	Pemilihan Guru Penasihat Dalam Kelab	115
Jadual 32:	Pengagihan Tugas Kepada Guru Penasihat	116
Jadual 33:	Pihak Yang Menggubal Rancangan Aktiviti Tahunan Kelab	117
Jadual 34:	Pelaksanaan Rancangan Tahunan Kelab Sukan/Permainan	119
Jadual 35:	Kursus Untuk Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan/Permainan	120
Jadual 36:	Penyemakan Buku Laporan Aktiviti Kelab Sukan/Permainan	121
Jadual 37:	Peralatan Untuk Sukan/Permainan	122
Jadual 38:	Waktu Mengadakan Mesyuarat Agung Kelab	123

Jadual 39:	Pihak Yang Terlibat Dalam Merancang Aktiviti Kelab	124
Jadual 40:	Pelaksanaan Aktiviti Kelab Sukan/Permainan	125
Jadual 41:	Tempat Aktiviti Kelab Sukan/Permainan Dijalankan	126
Jadual 42:	Sambutan Ibu Bapa Dalam Kelab Sukan/Permainan	127

SENARAI RAJAH

RAJAH		HALAMAN
Rajah 1:	Teori Kepimpinan Laluan-Matlamat	26
Rajah 2:	Model Autokratik	32
Rajah 3:	Teori Tingkah laku Dalam Teori Kepimpinan	34
Rajah 4:	Carta Aliran Pelaksanaan Kokurikulum Di Sekolah	38
Rajah 5:	Proses Penilaian	51

KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	iv
SENARAI RAJAH	vii
KANDUNGAN	viii
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiv
BAB I	
PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	6
Objektif Kajian	10
Soalan Kajian	11
Kepentingan Kajian	12
Batasan Kajian	14
Definisi Operasional	15
BAB II	
SOROTAN LITERATUR	18
Pengenalan	18
Pengurusan Kokurikulum	18
Pelaksanaan Kokurikulum	37
Kebaikan Aktiviti Kokurikulum	52

BAB III

METODOLOGI KAJIAN	56
Pengenalan	56
Reka Bentuk Kajian	56
Lokasi kajian	57
Subjek Kajian	57
Instrumen	59
Prosedur Menjalankan Kajian	61
Penganalisan Data	63

BAB IV

DAPATAN DAN PERBINCANGAN	64
Pengenalan	64
Pengurusan Kokurikulum	66
Pelaksanaan Kokurikulum	68
Pengurusan Unit Beruniform	74
Pelaksanaan Unit Beruniform	85
Pencapaian Unit Beruniform	93
Pengurusan Persatuan/Kelab	95
Pelaksanaan Persatuan/Kelab	105
Pencapaian Persatuan/Kelab	112
Pengurusan Kelab Sukan/Permainan	114
Pelaksanaan Kelab Sukan/Permainan	122
Pencapaian Kelab Sukan/Permainan	128

BAB V

KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	131
Pengenalan	131
Kesimpulan	132
Implikasi	135
Cadangan	136

Cadangan Kajian Lanjutan	143
Penutup	145
BIBLIOGRAFI	146
LAMPIRAN	



Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN KOKURIKULUM
SEKOLAH MENENGAH YANG DILABELKAN TERBAIK
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

OTHMAN BIN ALI

MEI 1999

Penyelia : Profesor Madya Dr. Hajah Kamariah bt. Hj. Abu Bakar

Fakulti: : Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Tujuan kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan dan pelaksanaan kokurikulum di Sekolah Menengah Taman Maluri, Kuala Lumpur. Sekolah ini telah dilabelkan terbaik dalam pengurusan dan pelaksanaan kokurikulum oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan. Kajian ini berbentuk deskriptif dan data dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan.

Kajian ini menggunakan dua set soal selidik iaitu satu set untuk guru dan satu set untuk pelajar manakala satu set soalan temu bual untuk Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Penyelaras Kokurikulum. Soal selidik untuk guru mengandungi 47 soalan manakala soal selidik untuk pelajar

mengandungi 25 soalan. Kedua-dua soal selidik ini mengandungi soalan yang berbentuk tertutup dan terbuka. Soalan yang berbentuk tertutup, pelajar dan guru dikehendaki memberi pilihan jawapan yang telah disediakan. Soalan berbentuk terbuka pula, pelajar dan guru dikehendaki memberi jawapan berdasarkan pengalaman dan persepsi mereka.

Dari segi pengurusan, Pengetua mempunyai gaya pengurusan yang pelbagai iaitu berdasarkan teori Kepimpinan Laluan-Matlamat, teori Kepimpinan Kontingensi, teori Kontinuum Autokratik-Demokratik Tannenbaum, dan teori Situasi. Pengetua mempunyai hubungan rapat dengan guru dan banyak mengadakan perbincangan dan perundingan dalam memberi tugas di samping membuat keputusan secara mutlak sebagai jalan terakhir.

Sebanyak 200 pelajar dan 112 guru dijadikan sampel dalam kajian ini. Sampel dipilih secara rawak dengan menggunakan kaedah "fish bowl". Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa ketiga-ketiga badan kokurikulum iaitu unit beruniform, persatuan/kelab, dan sukan/permainan mempunyai keseimbangan dari segi pengurusan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum.

Lebih 90% perancangan yang diprogramkan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dari segi aktiviti, lebih daripada 95% badan-badan kokurikulum

menjalankan aktiviti lebih 12 kali dalam setahun iaitu melebihi kadar yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan iaitu sebanyak 10 kali.

Hasil dapatan ini juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga badan kokurikulum memperolehi pencapaian yang cemerlang di dalam dan di luar sekolah. Di samping itu juga sebanyak lebih 90% badan-badan kokurikulum telah dinilai oleh pihak pengurusan untuk mengesan kekuatan dan kelemahan, dan seterusnya melaksanakan tindakan susulan. Kajian ini juga telah mengemukakan beberapa cadangan agar pengurusan dan pelaksanaan kokurikulum menjurus ke arah kecemerlangan.

Abstract of project presented to the Faculty of Education Studies, University Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE MANAGEMENT AND IMPLEMENTATION OF CO-CURRICULUM
IN SECONDARY SCHOOL WHICH LABELLED AS THE BEST IN THE
FEDERAL TERRITORY**

OTHMAN BIN ALI

MEI 1999

Supervisor : Professor Madya Dr. Hajah Kamariah bt. Hj. Abu Bakar

Faculty : Faculty of Educational Studies

University Putra Malaysia

The aim of this research is to get information regarding the management and implementation of co-curriculum activities at Sekolah Menengah Taman Maluri. Federal Territory Education Department labelled this School as the best in



co-curriculum. This is a descriptive research and data is analysed according to frequency and percentage.

This research used two set of questionnaire for teachers and students. Another set of interview questions for principal, HEM Senior Assistant and Co-curriculum supervisor. There are 47 questions in teachers questionnaire and 25 questions in students questionnaire. Both of the questionnaires consist of open ended and close ended. The teachers and students will be given to choice of questions regarding close ended. However teachers and students will be given choice the questions regarding experience and perception through open ended.

In term of management, principal shows various management style based Path-Goal Theory of Leadership, Contingency Model of Leadership, Continuum Autocratic-Democratic Theory and Situation Theory. Principal also has close relationship regarding school task through decision and negotiation inspite given final decision.

There are 2000 students and 112 teachers were selected as a sample. They were chosen at random using the "fish bowl" method. This researches shows that all the aspects of the co-curriculum activities, were equal managed and implementation . More than 90% of the activities programmed had been



successfully carried out. It is also found that, more 95% of the co-curriculum units had managed to carry out their activities.

More than 12 times throughout the year, which well-exceeded the proposed rate of 10 times set by Federal Territory Education Department, Kuala Lumpur. Finding based the research also showed that the school had performed excellently in all three aspects of co-curriculum both in and outside of the school. The management authority, to ascertain their strengths and weaknesses for the follow up actions had evaluated a total of 90% of the co-curriculum units. This research also excertains various suggestion so that co-curriculum management and implementation reach excellent target.

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia telah memperkenalkan aktiviti kokurikulum di sekolah sejak zaman penjajah lagi. Perkembangan aktiviti kokurikulum ini dapat dilihat dengan tertubuhnya pasukan pengakap yang pertama di sekolah pada tahun 1909 di Singapura. Menurut Ab. Alim Abdul Rahim (1995:235), Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah memberi penekanan terhadap kokurikulum seperti yang terkandung dalam surat arahan “ *School Course of Studies Regulation 1956 dan pindaan Akta Pendidikan 1961 No. 552*” iaitu ketika itu kokurikulum diberi nama sebagai kegiatan kumpulan. Akta Pendidikan tersebut menekankan masa minimum bagi pelaksanaan kokurikulum seperti berikut:

- a) Sekolah Rendah
 - i) Tahun 3 dan 4 - 50 minit seminggu
 - ii) Tahun 1 dan 6 - 120 minit seminggu

b. Sekolah Menengah

- | | | |
|------|---------------------------------|----------------------|
| i) | Jurusan Sains | - 140 minit seminggu |
| ii) | Jurusan Sastera dan Perdagangan | - 180 minit seminggu |
| iii) | Jurusan Teknik | - 100 minit seminggu |
| iv) | Jurusan Pertanian | - 140 minit seminggu |

Pada tahun 1960-an dan 1970-an masyarakat menganggap aktiviti kokurikulum sebagai suatu aktiviti yang berasingan daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Kokurikulum dijadikan sebagai aktiviti tempelan yang berada di luar kurikulum sekolah. Untuk merealisasikan aktiviti kokurikulum di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memasukkan kokurikulum dalam jadual pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) dengan mengambil masa 60 minit seminggu.

Pelaksanaan kokurikulum di sekolah semakin mendapat sambutan di kalangan masyarakat pendidik. Pada bulan Ogos 1985 Seminar Kebangsaan Kokurikulum telah diadakan di Universiti Utara Malaysia yang dihadiri oleh 300 peserta iaitu terdiri daripada guru, kakitangan institusi pengajian tinggi dan wakil-wakil Jabatan Pendidikan Negeri di seluruh negara. Seminar tersebut telah membentuk beberapa resolusi seperti:

- a. Sistem pendidikan sekarang yang menjuruskan akademik dan berorientasikan peperiksaan hendaklah disesuaikan dengan matlamat pendidikan sebenar iaitu pendidikan ilmu dan bakat individu sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

- b. Rancangan dan pelaksanaan kokurikulum di sekolah perlu dibuat untuk jangka masa panjang dan satu pasukan kerja perlu ada untuk mencungkil minat guru bagi mewujudkan aktiviti kokurikulum.
- c. Pihak kerajaan sebaik-baiknya mendapat pandangan masyarakat apabila membuat perancangan kokurikulum sebelum dilaksanakan di sekolah.
- d. Kurikulum dan kokurikulum hendaklah disatukan dalam satu kurikulum induk memandangkan kesedaran bahawa kurikulum merupakan satu set himpunan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang dirancang.
- e. Mengurangkan beban guru yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum dan mengadakan satu institusi sukan untuk aktiviti tersebut.
- f. Mengadakan rekod tentang garis panduan prestasi dan profil aktiviti kokurikulum; dan
- g. Melantik jawatankuasa untuk mengkaji sukatan pelajaran kokurikulum yang mengandungi orang-orang yang terlibat secara langsung dalam kokurikulum.

(Utusan Malaysia, 21 Ogos 1985 :5).

Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah,1989:1) telah menggariskan beberapa konsep, matlamat dan strategi pelaksanaan kokurikulum agar masyarakat mendapat maklumat dan memahami dengan jelas. Dari segi konsep, kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah dan setiap pelajar wajib melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Aktiviti ini boleh dilaksanakan di dalam dan di luar bilik darjah mengikut penyesuaian sesebuah sekolah. Konsep ini berteraskan kepada beberapa anggapan iaitu :

- a) Semua pelajar mempunyai keseimbangan antara mental(akademik) dan perkembangan sahsiah yang bersepadu (sosial, jasmani dan rohani);
- b) Semua pelajar mempunyai minat dan bakat yang boleh dimajukan;
- c) Semua pelajar boleh dididik dan boleh mendidik diri sendiri;
- d) Sekolah bertanggungjawab bagi melahirkan pelajar untuk keperluan masyarakat dan negara;
- e) Masyarakat juga bertanggungjawab dan memainkan peranan mereka dalam mendidik pelajar termasuklah pendidikan kemasyarakatan.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989:1)

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjadikan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) sebagai rujukan utama bagi membentuk matlamat kokurikulum. Matlamat kokurikulum berhasrat untuk mencapai :

- a. Perseimbangan antara perkembangan mental dengan perkembangan sosial, jasmani, dan rohani pelajar;
- b. Pengukuhan interaksi dan intergrasi di kalangan pelajar;
- c. Peningkatan minat, bakat dan kemahiran pelajar dalam kokurikulum yang diceburinya;
- d. Pengukuhan dan pengayaan perkara yang dipelajari dalam bilik darjah serta peluasan pengetahuan dan pengalaman pelajar dalam bidang tertentu;
- e. Pengisian masa lapang dengan berfaedah serta pembinaan kesihatan yang sempurna. Peningkatan disiplin pelajar melalui penyemaian dan pemupukan nilai dan sikap positif selaras dengan hasrat rukun negara;

- f. Peningkatan suasana sekolah yang lebih menarik dan menggembirakan pelajar;
- g. Peningkatan penglibatan, kerjasama, dan sumbangan dua hala antara sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989:2)

Untuk mencapai matlamat tersebut beberapa strategi pelaksanaan telah disarankan iaitu :

- a. Memberi wajaran yang sesuai kepada aktiviti kokurikulum supaya kurikulum dan kokurikulum saling melengkapi dalam proses pendidikan di sekolah;
- b. Menambah lagi bilangan unit beruniform, persatuan/kelab dan sukan serta mempelbagaikan aktiviti tersebut dengan tujuan memberi peluang kepada semua pelajar supaya melibatkan diri secara aktif dalam individu, kumpulan dan beramai-ramai;
- c. Melibatkan pelajar di kalangan semua kaum dalam semua aktiviti kokurikulum yang bersesuaian bagi tujuan pemupukan perpaduan;
- d. Melibatkan Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah (JBPS), Persatuan Ibu bapa dan Guru, guru dan pelajar dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum;
- e. Melibatkan pelajar dan pihak sekolah dalam aktiviti khidmat masyarakat;
- f. Merancang dengan teliti aktiviti kokurikulum bagi memantapkan matlamat yang dikehendaki;
- g. Merekod dan menilai kemajuan aktiviti kokurikulum yang dijalankan;
- h. Mengadakan pertandingan dan melibatkan semua pelajar;
- i. Mengadakan penyeliaan dan penilaian yang sistematik secara berterusan;
- j. Memberi penghargaan kepada pelajar dan pihak-pihak lain dari semasa ke semasa.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989:3)

Berdasarkan konsep, matlamat dan strategi pelaksanaan tersebut, pihak sekolah dikehendaki merancang, menyusun dan melaksana aktiviti mengikut situasi dan persekitaran sekolah iaitu dengan mengambil kira keadaan dan kemudahan setempat, kemudahan dan peralatan sekolah, penjadualan aktiviti, pengelompokan pelajar, kalender tahunan dan senarai semak yang bertujuan untuk membuat tindakan susulan. Untuk meningkatkan lagi perkembangan kokurikulum, setiap aktiviti yang dilaksanakan seharusnya diikuti dengan penilaian dari semasa ke semasa,

Pernyataan masalah

Pelbagai masalah timbul dalam pengurusan dan pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Masalah utama ialah perancangan dan penjadualan aktiviti kokurikulum yang dihadapi oleh pentadbir sekolah. Perancangan dan penjadualan aktiviti kokurikulum berkaitan dengan jenis badan-badan yang ditubuhkan dan aktiviti-aktivitinya, perantikan guru penasihat, peralatan yang diperlukan, masa yang sesuai untuk menjalani aktiviti dan penilaian setiap aktiviti yang dijalankan. Di samping itu, pihak sekolah kurang Menitikberatkan minat, kehendak, kebolehan dan kebolehan individu menyebabkan pelajar kurang melibatkan diri secara aktif dalam kokurikulum (Faridah Karim,1985 dan Bucher, 1979).

Penglibatan mereka hanyalah sekadar memenuhi kehendak dan peraturan sekolah yang mewajibkan setiap pelajar menceburi dalam aktiviti kokurikulum. Ini bermakna pihak sekolah tidak memberi peluang kepada setiap pelajar khususnya pelajar yang lemah dalam bidang akademik. Keadaan ini telah mendorong pelajar-pelajar ponteng sekolah atau menceburi dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat dan seterusnya menimbulkan masalah disiplin di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989:58-59).

Perlantikan guru penasihat menjadi salah satu punca masalah pengurusan kokurikulum tidak berkesan. Sebagai contoh, sekolah melantik guru yang tidak berminat, dan tidak mempunyai pengalaman serta pengetahuan dalam badan yang dibimbing menyebabkan mereka mencari alasan untuk mengelak dan tidak turut serta dalam sesuatu badan . Guru-guru ini juga bersifat pasif, tidak inovatif, tidak kreatif dan tidak kritis. Begitu juga perlantikan yang kurang memberi pertimbangan dari segi jantina dan tempat tinggal guru penasihat menyebabkan badan-badan kokurikulum tidak dapat berjalan dengan lancar. Sehubungan ini Abu Bakar Nordin (1991) telah menjelaskan bahawa hanya sebahagian guru di sekolah yang melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum manakala sebahagiannya tidak langsung menceburinya. Pelbagai alasan yang diberi oleh guru tersebut, antaranya :